



04 DEC, 2022

## Kerajaan negeri menyokong inisiatif SAYAP



Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

# Kerajaan negeri menyokong inisiatif SAYAP

SAYAP berhasrat jadi jambatan diantara agensi kerajaan negeri dengan kepelbagaian sektor swasta serta industri

Oleh Yap Siong Han

**KOTA KINABALU:** Pembentukan Yayasan Usahawan Muda dan Professional Sabah atau Sabah Young Entrepreneurs and Professionals Foundation (SAYAP) selari dengan aspirasi kerajaan negeri untuk membina modal insan berkualiti menerusi inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ).

Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor berkata, beliau gembira SAYAP dianggotai golongan usahawan dan profesional dari pelbagai sektor seperti minyak dan gas, teknologi digital, ekonomi, kewangan, perubatan, pembinaan, arkitek, kakitangan awam muda dan banyak lagi.

"Kebanyakannya telah berjaya dan saya menyokong

perlu penubuhan SAYAP sebagai kumpulan bebas yang akan menyumbang kepada pembangunan Sabah, tahniah diucapkan," katanya ketika melancarkan SAYAP di sini, semalam.

Teks ucapannya disampaikan oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Datuk Seri Panglima Masidi Manjun.

Dalam pada itu, Hajiji juga kagum dengan inisiatif berkenaan yang diilhamkan oleh sekumpulan golongan muda dari negeri ini yang baharu selesai belajar dan bekerja dari luar negara.

Katanya, golongan berkenaan mahu secara sukarela menyumbang dan menyertai pembangunan di Sabah.

"Saya memuji dan menyokong inisiatif SAYAP, saya juga gembira apabila SAYAP berhasrat untuk



HAJJI

menjadi jambatan diantara agensi kerajaan negeri dengan kepelbagaian sektor swasta dan industri, pada masa yang sama menyokong Hala Tuju SMJ.

"Saya mahu mendengar daripada SAYAP dan semua golongan muda Sabah seterusnya menyediakan platform

kepada anda semua untuk memperkasakan rakan usahawan serta profesional yang lain untuk membangunkan negeri ini," katanya.

Hajiji berkata, Sabah mempunyai populasi kedua terbesar di Malaysia sekali gus mempunyai bakat serta potensi pelanggan yang ramai.

"Kerajaan negeri mengambil maklum isu-isu utama di Sabah dan saya juga menegaskan untuk mengutamakan kepentingan modal insan, perkara ini juga termasuk dalam pelan pembangunan Hala Tuju SMJ.

"Kita komited untuk mengatasi masalah yang wujud dan membina kekuatan serta kemahiran menerusi pelbagai inisiatif yang dilaksanakan," katanya.

Hajiji yang juga Menteri Kewangan berkata, sejumlah RM175.61 juta telah dipe-

runtukan pada tahun hadapan untuk pembangunan modal insan serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), menerusi pelbagai inisiatif untuk menarik minat pelajar-pelajar dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi serta Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Katanya, peruntukan itu juga digunakan untuk merapatkan jurang digital di kawasan pedalaman seterusnya meluaskan liputan digital sekali gus mempersasakan transformasi digital di Sabah.

Menurutnya, pembangunan ICT di Sabah juga akan diutamakan serta Pusat Teknologi dan Kemahiran negeri akan memperkenalkan inisiatif untuk membangun dan menyokong pemersatuhan industri digital, pada

masa yang sama meneruskan latihan teknologi Revolusi Industri 4.0 sepanjang tahun hadapan.

Katanya, pada masa yang sama Pusat Kreatif Ekonomi Dan Inovasi Sabah akan meneruskan programnya untuk memastikan bakat modal insan Sabah akan terus diperungkatkan.

Hajiji berkata, pencapaian lain dalam pembangunan modal insan Sabah adalah perjanjian memorandum persefahaman (MoU) diantara Universiti Teknologi Petronas bersama Universiti Kolej Yayasan Sabah (UCSF) pada Oktober lepas.

Menerusi kerjasama ini katanya, UCSF akan mewarkan kursus minyak dan gas di kampusnya untuk melahirkan lebih ramai pelajar tempatan dipelbagai sektor berkenaan.



04 DEC, 2022

## Kerajaan negeri menyokong inisiatif SAYAP

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

SAYAP berhasrat jadi jambatan diantara agensi kerajaan negeri dengan kepelbagaian sektor swasta serta industri

KOTA KINABALU: Pembentukan Yayasan Usahawan Muda dan Profesional Sabah atau Sabah Young Entrepreneurs and Professionals Foundation (SAYAP) selari dengan aspirasi kerajaan negeri untuk membina modal insan berkualiti menerusi inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ).